



TEKS UCAPAN

YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR

TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK MENAIKTARAF JALAN
AYER KEROH KE BANDAR HILIR (FASA 1:PEMBINAAN
PERSIMPANGAN PERINGGIT DAN MITC)**

PADA 4 MAC 2019 (ISNIN)

YAB Tuan Adly bin Zahari
Ketua Menteri Melaka

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya, Jabatan
Ketua Menteri Melaka dan Agensi dibawah Kerajaan Negeri
serta Jabatan Kerja Raya Malaysia,

Rakan-rakan pihak media

Seterusnya sidang hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warrahmatullah Hiwabarakatuh, dan
Salam Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mengurniakan segala rahmatNya untuk kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Melaka (Fasa 1: Pembinaan Persimpangan Peringgit dan MITC). Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tuan Adly bin Zahari, Ketua Menteri Melaka kerana telah sudi untuk turut sama menyempurnakan majlis kita pada hari ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

2. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, YBhg. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan -puan yang hadir bersama-sama bagi menyempurnakan majlis ini. Saya amat yakin dan percaya kehadiran semua pihak ke majlis ini melambangkan iltizam kita dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara khususnya kepada penduduk di Negeri Melaka.

Hadirin yang dihormati,

3. Projek menaiktaraf jalan di sepanjang Ayer Keroh merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan infrastruktur sokongan bermutu tinggi dan menjadi penyuraian trafik kepada kawasan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, Hang Tuah Jaya, hub industri perkilangan Ayer Keroh dan kawasan pelancongan. Secara tidak langsung kemudahan ini akan menyokong Negeri Melaka terkenal diserata dunia.
4. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM461 juta untuk membiayai 2 projek menaiktaraf

Jalan Persekutuan di Negeri Melaka. Projek tersebut adalah:

- (i) Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Melaka (Fasa 1: Pembinaan Persimpangan Peringgit dan MITC) yang telah siap; dan
 - (ii) Projek Menaiktaraf Jalan FT33 dari Paya Rumput ke Sungai Udang, Melaka masih dalam pembinaan.
5. Bagi projek MITC ini, kos yang telah diluluskan adalah sebanyak RM385 juta. Kos ini merupakan kos keseluruhan termasuklah kos pengambilan tanah, pengalihan utiliti, manakala kos kontrak projek ini adalah sebanyak RM286 juta.

Hadirin sekalian,

6. Projek menaiktaraf Jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka direkabentuk mengikut standard piawaian U5 *Type Two* 6 lorong 2 hala. Skop kerja yang dilaksanakan bagi projek ini adalah membina dua persimpangan iaitu Persimpangan Peringgit melibatkan jalan sepanjang 2.7km di laluan ini termasuk pembinaan jejambat sepanjang 252 meter (dari Pusat Bandar ke Ayer Keroh) dan jejambat sepanjang 303 meter, (dari Pusat

Bandar ke Batu Berendam). Manakala Persimpangan MITC melibatkan jalan sepanjang 2km termasuk pembinaan jejambat struktur *segmental box* 640 meter disamping pengalihan utiliti serta pengambilan tanah di sepanjang jajaran jalan ini.

7. Saya juga amat berbangga kerana projek ini telah memenangi *Award Excellent Contractor 2017* kategori *Traffic Management Plan* (TMP) dan perlu dicontohi oleh projek-projek lain yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Syabas diucapkan.

Hadirin yang dihormati,

8. Saya amat yakin dan percaya bahawa projek menaiktaraf jalan ini akan memberi keselesaan kepada pengguna di luar dan dalam Negeri Melaka kerana menghubungkan tempat - tempat bersejarah di Negeri Melaka dan kawasan rekreasi seperti Zoo Melaka, Taman Botanikal dan lain - lain lagi. Secara tidak langsung projek ini membantu meningkatkan perkembangan pesat sosio ekonomi di kawasan sekitar khususnya kepada sektor industri kecil sederhana perkilangan dan pelancongan.

9. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak JKR, Perunding, Kontraktor dan semua pihak terlibat kerana telah melaksanakan projek ini dengan jayanya. Akhir kata, saya bersama-sama YAB Tuan Adly bin Zahari, Ketua Menteri Melaka akan merasmikan Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Melaka (Fasa 1: Pembinaan Persimpangan Peringgit dan MITC) sebentar lagi.

10. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.